

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI ISNIN, 27 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 5**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1521-L08478  
**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah inisiatif Kerajaan dalam memajukan Tasik Bera yang merupakan tasik air tawar yang terbesar di Malaysia sebagai sebuah produk pelancongan.
2. PN-1521-L08831  
**Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-
  - (a) apakah rasional dan mekanisme menentukan kadar cukai jalan terkini; dan
  - (b) apakah pelan tindakan Kerajaan dalam menambah baik sistem cukai jalan supaya ia betul-betul mencerminkan kos penyelenggaraan jalan berbanding dengan jenis kenderaan terlibat.
3. PN-1521-L08692  
**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan bilakah jaringan 5G dapat dicapai untuk seluruh Malaysia memandangkan terdapat banyak kawasan yang liputan internet masih rendah dan tiada langsung jaringan internet.
4. PN-1521-L08678  
**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah statistik graduan Doktor Falsafah di Malaysia dan apakah bidang paling tinggi yang tidak mendapat peluang pekerjaan.

5. PN-1521-L08778  
**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan tindakan jangka pendek dan panjang berhubung masalah kekurangan serta kebergantungan tenaga buruh asing yang tinggi dalam sektor perladangan khususnya perladangan sawit.
6. PN-1521-L08621  
**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah Kementerian melalui garis panduannya akan mengutamakan penilaian daripada perspektif keselamatan berhubung dengan penguatkuasaan penjualan mercun dan bunga api yang telah mendapat perkenan Kerajaan seperti insiden kecederaan atau kematian disebabkan mercun dan bunga api.
7. PN-1521-L08752  
**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status terkini mengenai pelaksanaan menyeluruh bagi gaji minimum RM1500 ekoran peningkatan kos sara hidup.
8. PN-1521-L08490  
**Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi mengatasi permasalahan air tidak terhasil atau 'non-revenue water' (NRW) yang begitu tinggi di Perlis iaitu sekitar 70 peratus.
9. PN-1521-L08591  
**Datuk (Dr.) Ras Adiba Mohd Radzi** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status semasa pemansuhan Akta 309 Kanun Keseksaan iaitu bunuh diri sebagai kesalahan jenayah serta berapakah jumlah rakyat yang telah menerima manfaat menerusi Pusat MENTARI 2012-2022 dan nyatakan tindakan serius Kerajaan dalam mengatasi isu kesihatan mental.
10. PN-1521-L08425  
**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah kaedah dan tindakan memerangi berita bohong di media sosial tetapi dalam masa yang sama tidak menyekat kebebasan bersuara.
11. PN-1521-L08981  
**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes jenayah yang melibatkan anggota Keselamatan bersenjata dan adakah kes ini semakin meningkat.

12. PN-1521-L08450  
**Dato' Ajis bin Sitin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil Kerajaan untuk mengurangkan masalah kekurangan tempat letak kereta di kawasan-kawasan perumahan di Kuala Lumpur seperti yang berlaku di Bandar Tasik Selatan, Bandar Baru Sentul dan sebagainya.
13. PN-1521-L08898  
**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah enrolmen dalam kolej komuniti berbanding dengan kapasiti yang sedia ada di seluruh negara.
14. PN-1521-L08943  
**Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dirangka bagi mengawal kenaikan harga sempena menyambut kedatangan bulan Ramadhan, Hari Raya Aidiladha serta perayaan lain.
15. PN-1521-L08790  
**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah sasaran kemasukan pelabur asing bertaraf mega dan jumlah dana yang dijanjikan oleh pelabur asing tersebut.
16. PN-1521-L08656  
**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah peranan dan sumbangan institusi pendidikan tinggi swasta dalam membantu hala tuju Kementerian untuk memacu ekosistem pendidikan tinggi negara Malaysia.
17. PN-1521-L08960  
**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perincian mengenai jumlah perbelanjaan ketenteraan dalam pembentangan bajet negara yang baru menjelang 2023, seperti mana yang telah dibentangkan tentang bajet perbelanjaan ketenteraan dan keselamatan untuk Semenanjung Malaysia.
18. PN-1521-L08493  
**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pandangan Kerajaan terhadap cadangan untuk mengharamkan perkahwinan bawah umur bagi melindungi hak kanak-kanak dan memberi kesedaran yang berterusan kepada setiap lapisan masyarakat serta jelaskan cara-cara untuk melaksanakannya.

19. PN-1521-L08419  
**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah hasrat atau perancangan Kementerian dalam membantu Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) menjadikan Stadium Nasional Bukit Jalil sebagai gelanggang rasmi Harimau Malaya sebagaimana Memorandum Persefahaman yang pernah dibuat pada Ogos tahun 2019 dulu.
20. PN-1521-L08549  
**Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah keuntungan yang dijana oleh syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan dapat memberi kesan langsung kepada peningkatan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi khususnya di negeri-negeri berpendapatan rendah.
21. PN-1521-L08532  
**Datuk John Ambrose** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana perancangan strategik dan hala tuju Inisiatif Lelaki Qawwam (ILQ) yang akan diperkenalkan serta hasil yang diperoleh daripada sesi meja bulat yang telah dijalankan sebelum ini.
22. PN-1521-L08777  
**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah Kerajaan akan melaksanakan subsidi bersasar agar tidak membebankan kewangan Kerajaan.
23. PN-1521-L08744  
**Datuk Noraini Idris** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan peluang ekonomi desa yang boleh dijana menerusi rangkaian aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh agensi serta syarikat berkaitan Kementerian serta bagaimanakah peluang ekonomi tersebut boleh memberi impak secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar di negeri Sabah terutamanya dalam aspek pekerjaan.
24. PN-1521-L08956  
**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk memantau serta mengawal selia tadbir urus syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang dilaporkan berdepan dengan isu ketirisan dan kegagalan tadbir urus yang baik seperti Pharmaniaga Berhad yang telah diisytiharkan sebagai sebuah syarikat berstatus Practice Note 17/2005 (PN17) baru-baru ini.

25. PN-1521-L08410  
**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan melaksanakan usaha pembangunan infrastruktur di Wilayah Persekutuan Labuan yang masih tidak mempunyai fasiliti setanding dengan Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
26. PN-1521-L08918  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj Ibrahim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah strategi Kerajaan dalam pengurusan fiskal dan keupayaan kewangan negara agar pertumbuhan ekonomi Malaysia setanding dengan pertumbuhan ekonomi serantau dan sejauh manakah kemapanan ekonomi negara untuk berdaya saing selepas keluar dari pandemik COVID-19 dan kemelut politik yang berpanjangan.
27. PN-1521-L08469  
**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan selain daripada penguasaan kemahiran teknikal (technical skills), apakah usaha Kerajaan untuk memantapkan kemahiran keinsanan & sahsiah (soft skills) para pelajar di institusi-institusi kemahiran kita.
28. PN-1521-L08861  
**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah bentuk kerjasama strategik dengan Kementerian atau agensi berkaitan dalam menaik taraf dan menambah baik sektor getah supaya pekebun kecil dalam sektor ini mendapat manfaat yang jauh lebih baik terutamanya melibatkan harga lantai pasaran getah yang rendah pada masa ini.
29. PN-1521-L08602  
**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah strategi Kementerian bagi terus mengekang normalisasi budaya LGBTQ dalam masyarakat khususnya melalui penerbitan bahan-bahan bacaan yang songsang.
30. PN-1521-L08810  
**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi Kerajaan bagi mengawal kenaikan harga pakej umrah dan haji impak daripada kenaikan kos di Arab Saudi.

31. PN-1521-L08570  
**Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan berapa jumlah kakitangan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang telah berjaya diserap ke jawatan tetap apabila tempoh kelayakan pegawai kontrak perkhidmatan KEMAS ke lantikan tetap dikurangkan kepada 10 tahun berbanding 15 tahun sebelum ini.
32. PN-1521-L08878  
**Tuan Ak Nan A/L Ehtook** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan murid yang mempunyai keterangan keturunan sebagai Siam dan Thai/Thais/Thailand dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) dan apakah tindakan yang telah diambil bagi memastikan keterangan seperti keturunan dan agama bagi murid berketurunan Siam dalam APDM adalah selaras dengan maklumat yang terkandung dalam sistem maklumat di Jabatan Pendaftaran Negara.
33. PN-1521-L08669  
**Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah statistik kemalangan akibat mabuk menunjukkan penurunan berbanding dua tahun sebelum ini sejak Akta Pengangkutan Jalan dipinda untuk mengetatkan hukuman ke atas kesalahan mabuk semasa memandu dan berapa orang yang telah dihadapkan ke mahkamah atas kesalahan "drink and drive".
34. PN-1521-L08718  
**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian telah mengambil sebarang pendekatan termasuk penyelidikan dalam menambahkan laluan/lorong tambahan dari dua kepada tiga terutamanya menghala ke Johor dalam usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas lebuh raya terutamanya ke arah selatan.
35. PN-1521-L08582  
**Datuk (Dr.) Ras Adiba Mohd Radzi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kementerian akan menambah baik fungsi klinik subfertility di bawah LPPKN bagi mengatasi isu autisme di peringkat bayi serta apakah perkara yang telah dilakukan oleh Kerajaan menerusi kerjasama pelbagai Kementerian bagi meningkatkan kualiti hidup kanak-kanak autisme.

36. PN-1521-L08636

**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam menyediakan sumbangan sehingga 25 peratus melalui perlindungan takaful atau polisi insurans serendah RM50 khususnya kepada golongan belia yang bekerja sendiri.

37. PN-1521-L08866

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang diperhalusi oleh Kementerian bagi memastikan pengaliran keluar wang negara (kirimannya ke luar negara oleh pekerja asing direkodkan di bawah Akaun Pendapatan Sekunder, Imbangan Pembayaran) melalui penyedia perkhidmatan pengiriman wang oleh pekerja asing dapat dikawal ketat.

38. PN-1521-L08846

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah solusi dan inisiatif Kementerian yang dirangka bagi jangka masa panjang dalam menangani isu kos membawa masuk pekerja domestik yang pada masa ini berada pada kadar siling yang tinggi sehingga mencecah RM15,000.

39. PN-1521-L08946

**Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah projek Kereta api Berkelajuan Tinggi (HSR) dari Kuala Lumpur ke Singapura akan diteruskan.

40. PN-1521-L08390

**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah cara Kementerian memantau penetapan KPI syarikat-syarikat GLC bagi memastikan KPI tersebut selaras kepada mandat penubuhan syarikat GLC tersebut dan bukan pencarian pendapatan semata-mata.

41. PN-1521-L08507

**Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah sistem pendidikan di Malaysia menyokong perkembangan pemikiran kritikal, penyelesaian masalah (problem solving) dan kreativiti.

42. PN-1521-L08731  
**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mekanisme penguatkuasaan yang sedia ada untuk membendung masalah rasuah yang berlaku untuk meraih pengundi semakin berleluasa terutamanya yang telah berlaku pada PRU-15 baru-baru ini dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah ini.
43. PN-1521-L08439  
**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah kekurangan guru di seluruh negara dan di Sarawak khususnya.
44. PN-1521-L08525  
**Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah pendekatan baharu yang sedang dilaksanakan bagi menangani masalah rantai bekalan (supply chain) bagi barang keperluan asas terutamanya ayam mentah dan minyak masak yang sebelum ini menjadi faktor kepada berlakunya kelembapan serta ketidakcukupan bekalan di negeri-negeri tertentu.
45. PN-1521-L08399  
**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status penggubalan kertas putih berkaitan reformasi sektor kesihatan awam dan adakah ia masih akan dilaksanakan serta apakah garis masa terkini untuk ia dibentangkan kepada Parlimen.
46. PN-1521-L08517  
**Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah peluang yang ada untuk pendekatan yang inovatif dalam pembangunan luar bandar seperti menggunakan teknologi atau mempromosikan model-model pembangunan yang berasaskan komuniti.
47. PN-1521-L08453  
**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menangani kesesakan di Jabatan Kecemasan di kebanyakan hospital besar di negara ini.
48. PN-1521-L08543  
**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai Kementerian dalam membantu wanita luar bandar khusus di Sabah dan Sarawak yang mengusahakan kraf tangan sebagai sumber pendapatan utama mereka.

49. PN-1521-L08801

**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengisi kekosongan perjawatan yang begitu lama di Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

50. PN-1521-L08630

**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang melepaskan kewarganegaraannya bagi sepuluh tahun yang terakhir mengikut keturunan, tahap pendidikan, umur, jantina dan negara yang dipilihnya.

51. PN-1521-L08611

**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah bilangan wanita daripada kaum minoriti di Malaysia khususnya wanita daripada kaum etnik orang asal Borneo dan lain-lain dilantik ke jawatan tinggi di jabatan dan agensi Kerajaan termasuk ahli lembaga korporat syarikat berkaitan Kerajaan.

52. PN-1521-L08733

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah usaha-usaha atau tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah banjir yang makin kerap berlaku di beberapa negeri.

53. PN-1521-L08646

**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk memperkenalkan jenis percukaian yang baharu bagi menambahkan pendapatan negara pada ketika ini.

54. PN-1521-L08690

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam memberi insentif kepada Kelantan terhadap usaha mengekalkan Hutan Simpan Kekal dan sekali gus menyumbangkan Kelantan sebagai paru-paru negara memandangkan Kelantan masih diliputi 51% hutan Keluasan Hutan Simpan Kekal di Negeri Kelantan.

55. PN-1521-L08711

**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah terdapat usaha pihak Kementerian dalam mengkaji supaya diadakan jumlah paras tetap minimum elaun bagi program latihan industri sekurang-kurangnya dapat menampung kos makan dan perjalanan seharian.

56. PN-1521-L08767

**Datuk Noraini Idris** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah pelan perancangan projek tebatan banjir yang telah disiapkan sepenuhnya buat negeri Sabah sebagai persediaan untuk menghadapi musibah banjir luar jangka terutamanya di daerah-daerah tumpuan yang dilabel sebagai 'zon merah banjir'.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Majlis Parlimen Yang Kelima Belas."

**Menyambung semula Perbahasan atas masalah, ( 23 Mac 2023 )**

- |    |                  |  |                               |
|----|------------------|--|-------------------------------|
| 2. | *( D.R. 1/2023 ) | Rang Undang-undang Pencetakan teks Al-Quran (Pindaan) 2023<br><b>[Menteri Dalam Negeri]</b>    | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 3. | *( D.R. 2/2023 ) | Rang Undang-undang Perbekalan 2023<br><b>[Menteri Kewangan]</b>                                | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 4. | *( D.R. 3/2023 ) | Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023<br><b>[ Menteri Kewangan ]</b> | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 5. | *( D.R. 4/2023 ) | Rang Undang-undang Kewangan 2023<br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>                                | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 6. | *( D.R. 5/2023 ) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023<br><b>[ Perdana Menteri ]</b>                | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 7. | *( D.R. 6/2023 ) | Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023<br><b>[ Perdana Menteri ]</b>         | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST 41	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia (LJM) Bagi Tahun 2021	27 Mac 2023
ST 46	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Tunku Abdul Rahman Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	27 Mac 2023
ST 55	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah (LJT) Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	27 Mac 2023
ST 58	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Tenaga Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	27 Mac 2023
ST 59	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	27 Mac 2023
ST 60	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) Bagi Tahun 2020 (Telah Diaudit)	27 Mac 2023
ST 64	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Kelantan Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	27 Mac 2023
ST 65	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	27 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST 78	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	27 Mac 2023
CMD 24	Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) Bagi Tahun 2021	27 Mac 2023